

Jalur lebar halal

Mais Halal Broadband tapis kandungan Internet secara automatik

Metro 29/7/2011 MS 64.

>>Oleh Amir Abd Hamid
amir@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Dalam tempoh dua tahun lagi penduduk di Selangor khususnya bakal menikmati perkhidmatan jalur lebar halal apabila Mais ICT Sdn Bhd dan Netfarm Solutions Sdn Bhd memeterai memorandum persefahaman (MoU), semalam.

Buat masa ini projek pilot dinamakan 'Mais Halal Broadband' itu dimulakan di empat lokasi di Selangor iaitu masjid negeri Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, pejabat Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Jabatan Agama Islam

Selangor (Jais) dan Kompleks Mahkamah Shah Alam.

Ketua Pegawai Eksekutif Netfarm Solutions, Zulkifle Majid berkata, kos pelaburan untuk membina infrastruktur dianggarkan RM50 juta.

Menurutnya, menerusi MoU itu, satu entiti baru tertubuh iaitu NFS KMC Technology Sdn Bhd dengan pihaknya memiliki pegangan 70 peratus sementara bakinya dimiliki Mais ICT.

"Permintaan untuk akses jalur lebar halal sangat tinggi khususnya di kalangan ibu bapa yang mahu memperkenalkan Internet kepada anak-anak.

"Antara hala tuju produk baru syarikat ialah Mais Halal Broadband dalam tempoh 12 bulan dari sekarang. Kandungan yang tak halal dilihat atau dibaca akan ditapis secara automatik. Secara tidak langsung, ini keinginan syarikat kerana selain komersial, kami mahu menjadikan masyarakat selamat daripada maksiat melalui Internet," katanya.

Dalam majlis menandatangani MoU itu semalam, Zulkifle mewakili Netfarm Solutions manakala Mais ICT Sdn Bhd diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Zubir Idrus.

Hadir menyaksikan, Pengerusi Mais merangkap Pe-

ngerusi Kumpulan Mais Corporation (KMC), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa.

Sementara itu, Mohamad Adzib berkata, pihaknya yakin pengguna tidak kira agama memerlukan akses Internet halal dan akan menyambut baik Mais Halal Broadband itu.

"Jalur lebar halal ini bermaksud mana-mana yang berdosa tak boleh tengok. Apa yang kita lihat dan baca mempengaruhi pemikiran kita.

"Justeru, syarikat amat positif dengan projek ini lebih-lebih lagi pengguna Islam yang begitu ramai dan semakin meningkat," katanya.